

Orang kenamaan, politik terima sarjana, PhD

Oleh **AZMAN IBRAHIM**
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 19 NOV.

BEREBAPA tetamu kenamaan, ahli politik termasuk Ahli Parlimen menjadi penerima ijazah sarjana dan doktor falsafah dalam Majlis Konvokesyen Universiti Utara Malaysia (UUM) Ke-30 yang berlangsung di Dewan Muadzam Shah, UUM, Sintok, Kedah pada 18 hingga 22 November ini.

UUM dalam kenyataan di sini memberitahu, kekangan masa dan tanggungjawab terhadap kerjaya tidak menjadi halangan kepada graduan tetamu kenamaan berkenaan untuk menimba ilmu sehingga ke peringkat tertinggi.

Jelas kenyataan itu, walaupun masing-masing sibuk dengan kerjaya dan kehidupan seharian, hal itu tidak menjadi alasan untuk mereka menyambung pengajian.

Antara tetamu kenamaan yang menerima skrol pada majlis konvokesyen UUM kali ini ialah Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Ismail Abd. Muttalib yang menerima Ijazah Doktor Falsafah Pengurusan Pembangunan, Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), Datuk

Abdul Fattah Abdullah (Ijazah Sarjana Pengurusan Awam) dan bekas ahli Dewan Negara, Datuk Muhammad Olian Abdullah yang juga penerima Ijazah Sarjana Pengurusan Awam.

Ahli Dewan Undangan Negeri Serom, Abdul Razak Minhat turut menerima Ijazah Doktor Pentadbiran Perniagaan manakala Ahli Parlimen Kangar, Shaharuddin Ismail menerima Ijazah Sarjana Pengurusan Awam.

Sementara itu, Ismail berkata, beliau berbangga kerana dengan bimbingan beberapa orang profesor dan pensyarah UUM, lebih 25 sahabat Ahli Parlimen bersepatok untuk mewujudkan kelas di Parlimen dengan bimbingan mereka.

Menurutnya, selama ini beliau hanya memberi motivasi dan nasihat kepada anak muda untuk menuntut ilmu sepanjang hayat dan beliau juga telah membuktikan kejayaannya kepada seluruh masyarakat bahawa ilmu boleh dicari demi masa depan.

“Sebagai ahli politik tidak ketinggalan berhadapan dengan cabaran, jadi apabila kita berada di dunia pendidikan dan menambah ilmu pengetahuan ini, kita bukan sahaja mengimbangi tanggungjawab sebagai Ahli Parlimen tetapi masyarakat.

“Setiap hari kita berhadapan

dengan suasana, emosi, masyarakat yang berbeza dan dengan ilmu yang tinggi ini membuatkan saya lebih selesa dan penuh kasih sayang untuk menjalankan tanggungjawab sebagai ahli politik, seterusnya dapat berkongsi pengetahuan dengan masyarakat,” katanya.

Sementara itu, Abdul Fattah berkata, menggalas pelbagai komitmen memerlukan beliau untuk mempunyai kemahiran mengurus masa termasuk sokongan dan motivasi terutama daripada pensyarah yang membantu memilih mod pembelajaran yang bersesuaian.

“Setelah dua tahun bertungkus-lumus, saya berjaya menamatkan pengajian peringkat sarjana dalam bidang Pengurusan Awam dan menggembirakan kerana berjaya menyiapkan tesis berkaitan koperasi dalam tempoh dua tahun.

“Kelak, hasil kajian yang diperoleh ini akan digunakan untuk membantu meningkatkan kompetensi pengurusan koperasi sekolah cemerlang dan tesis ini akan dijadikan sebagai panduan kepada Angkasa dan juga agensi lain seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan serta Kementerian Pendidikan yang boleh dijadikan dasar,” katanya.



NAIB Canselor UUM, Prof. Datuk Mohamed Mustafa Ishak mengucap tahniah kepada graduan kenamaan yang berjaya menamatkan pengajian peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah (PhD) di Sintok, Kedah, semalam. Turut kelihatan Abdul Fattah Abdullah (kiri).